

KERJASAMA BRITISH DENGAN PARTI KOMUNIS MALAYA DAN KUOMINTANG: KESAN-KESANNYA TERHADAP DASAR-DASAR BRITISH DI TANAH MELAYU (1941-45)

Oong Hak Ching

Sebelum zaman Perang Dunia Kedua (1941-1945) kerajaan British di Tanah Melayu mengharamkan Parti Komunis Malaya dan cawangan-cawangan Kuomintang di negeri ini. Kemunculan dan kegiatan-kegiatan Kuomintang yang berteraskan faham kebangsaan Cina dan mengikat kesetiaan orang-orang Cina di seberang laut kepada negara leluhur menimbulkan kekhawatiran di kalangan pegawai-pegawai kolonial terhadap apa yang dipanggil sebagai campurtangan politik dari tanah besar China dalam hal-hal Tanah Melayu. Ia juga menimbulkan isu '*imperium in imperio*' dan peranan orang-orang Cina sebagai talibarut untuk menolong negara ibunda mengambil alih kuasa di Tanah Melayu. Kebimbangan pegawai-pegawai British terutamanya gabenor-gabenor Negeri-negeri Selat dari Guillemand hingga Thomas Shenton terhadap kegiatan-kegiatan politik orang-orang Cina bertambah kuat berikutan dengan kemunculan gerakan-gerakan Komunis dan penubuhan Parti Komunis Malaya pada awal tahun-tahun 1930-an. Dengan kemunculan golongan radikal ini British melihat bahawa keupayaan orang-orang Cina untuk menjadi '*fifth column*' bertambah besar dan mengancam kedudukan kuasa British di rantau ini. Tambahan lagi golongan komunis juga menjalankan kegiatan-kegiatan di kalangan golongan buruh dan mencetuskan mogok-mogok, tunjuk-tunjuk perasaan dan kacau-bilau.

Kerajaan kolonial British di Tanah Melayu mula mengambil tindakan keras terhadap penglibatan orang-orang Cina dalam kegiatan-kegiatan politik yang berorientasikan ke tanah besar China pada awal tahun-tahun 1920-an berikutan dengan terjadinya peristiwa 4 haribulan Mei 1919.¹ Peristiwa ini terjadi berpunca dari tindakan Perdana Menteri China di Peking membuat satu perjanjian sulit dengan Jepun dalam bulan September 1918 yang memberi keizinan kepada kerajaan Jepun untuk membina jalan keretapi dan menempatkan beberapa pasukan tenteranya di Shantung. Sebagai ganjarannya kerajaan Peking menerima 20 juta yen pinjaman dari Jepun. Berikutan dengan perjanjian ini Persidangan Damai Paris mengambil keputusan menyokong tuntutan Jepun untuk

memperolehi hak-hak dan keistimewaan yang dahulu dipegang oleh Jerman di Shantung. Keputusan Persidangan Damai Paris menimbulkan perasaan benci-berang di kalangan pelajar-pelajar dan pekerja-pekerja di Peking. Golongan Bolshevik yang menyerap masuk ke dalam organisasi-organisasi pelajar dan buruh mempengaruhi mereka untuk mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan anti-Jepun dan mencetuskan rusuhan.²

Peristiwa 4 haribulan Mei memberi kesan ke atas orang-orang Cina di Singapura dan Tanah Melayu. Setelah mendengar pelajar-pelajar di Peking telah ditahan beberapa pemimpin komuniti Cina di Pulau Pinang merayu kepada Peking supaya pelajar-pelajar yang terlibat dalam tunjuk-tunjuk perasaan anti-Jepun dibebaskan. Di samping itu sebuah organisasi yang memanggil diri mereka sebagai Liga Perwira (Patriotic League) membuat seruan supaya orang-orang Cina memulaukan barang-barang buatan Jepun.³ Tunjuk-tunjuk perasaan anti-Jepun telah diadakan di Singapura pada 19 haribulan Jun. Kegiatan-kegiatan ini menimbulkan kacau bilau di Singapura. Dalam satu kejadian penunjuk-penunjuk perasaan telah bertempur dengan polis.⁴ Akibatnya dua orang terbunu dan tiga tercedera. Kerajaan British terpaksa mengisyiharkan undang-undang tentera bagi memulihkan ketenteraman awam. Tunjuk-tunjuk perasaan anti-Jepun juga diadakan di Pulau Pinang dan kerajaan British juga terpaksa mengambil langkah-langkah yang sama bagi mententeramkan orang ramai.

Peristiwa 4 haribulan Mei menandakan permulaan kegiatan-kegiatan politik bercorak radikal di kalangan orang-orang Cina di Tanah Melayu. British mula mengambil berat untuk memerhati dan mengambil langkah-langkah mengawal kegiatan-kegiatan politik yang berorientasikan negeri China. British mengamalkan apa yang dipanggil sebagai dasar “pro-Melayu” dan “anti-Cina”.⁵ Di bawah dasar ini British menganggap orang-orang Cina tidak mempunyai apa-apa hak untuk melibatkan diri dalam kegiatan bercorak politik sungguhpun sebahagian besar dari mereka telah dilahirkan di Tanah Melayu dan memperlihatkan sifat-sifat telah menetap di rantau ini. Di bawah dasar ini British menutup pintu perkhidmatan awam dan badan-badan penggubal dasar. Seterusnya British menjalankan dasar Disentralisasi yang bertujuan mengembalikan kuasa kepada raja-raja Melayu dan kerajaan-kerajaan negeri. British juga mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk membatasi kegiatan-kegiatan politik orang-orang Cina. Di bawah Ordinan Persatuan-persatuan yang wujud sebelum Perang Dunia Kedua Parti Komunis Melayu dianggap sebagai pertubuhan haram atau “illegal organization”. Cawangan-cawangan parti Kuomin-

tang juga dianggap haram walaupun orang-orang Cina dibenarkan menjadi ahli terus Kuomintang di tanah besar China.

KERJASAMA BRITISH DENGAN KUOMINTANG DAN KOMUNIS

Peperangan Dunia Kedua mewujudkan satu keadaan yang mengubah corak hubungan kerajaan British dengan pertubuhan-pertubuhan haram Kuomintang dan PKM. Kuomintang dan PKM yang dahulu musuh menjadi rakan dalam perjuangan menentang angkatan tentera Jepun yang menyerang Singapura pada penghujung tahun 1941. Pada mulanya PKM yang menawarkan kerjasama dengan kerajaan British. Pada permulaannya kerajaan British menolak pelawaan Komunis kerana organisasi ini tidak diakui. Pada masa lepas PKM menimbulkan banyak masalah kepada kerajaan dan rancangan-rancangannya adalah untuk mengambil alih kuasa di Tanah Melayu. Tetapi apabila keadaan telah terdesak selepas hampir-hampir seluruh Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun. British menukar sikapnya dan bersetuju bekerjasama dengan Komunis dan juga Kuomintang serta komuniti Cina Peranakan.

Pada 3 haribulan Januari 1942, Sir Shenton Thomas, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu membuat laporan kepada Lord Moyne, Setiausaha Tanah Jajahan mengenai peristiwa ini. Thomas menulis bahawa:

...untuk kali pertama dalam sejarah, wakil-wakil orang Cina dari semua parti, termasuk Cina Peranakan, Kuomintang dan Komunis, serta lain-lain menemui saya... [Mereka] menyatakan bahawa dalam keadaan sekarang, kekalahan Jepun adalah merupakan satu-satunya minat mereka, dan menawarkan diri untuk berkhidmat di bawah saya.⁶

Setelah menerima laporan tersebut, Setiausaha Tanah Jajahan mengeluarkan arahan kepada Gabenor seperti berikut:

Dalam situasi sekarang perhatian khusus haruslah diletakkan ke atas penggunaan sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan komuniti Cina di Tanah Melayu untuk mengalahkan invasi Jepun... Unsur-unsur yang liat dari orang-orang Cina yang menimbulkan kepayahan kepada kita pada masa lepas berkemungkinan menjadi sesuatu yang amat berguna untuk tujuan-tujuan segera. Saya menghargai bahawa pertukaran sikap ini akan menimbulkan kesulitan-kesulitan kepada pegawai-pegawai anda terutamanya Setiausaha Hal Ehwal Orang-orang Cina yang tugas-tugasnya dan jabatannya, dalam banyak hal berkonflik dengan unsur-unsur tersebut...⁷

Setiausaha Tanah Jajahan bersetuju dengan Gabenor bahawa dalam keadaan peperangan atau darurat ini mereka tidak harus mengambilberat terhadap kesan langsung dari kerjasama dengan Komunis dan Kuomintang pada waktu selepas perang. Seterusnya Setiausaha Tanah Jajahan mengarahkan Gabenor supaya memberi arahan yang jelas kepada semua yang berkenaan dengan situasi baharu-kerjasama antara kerajaan dengan Komunis dan Kuomin-tang.⁸

Sebagai langkah pertama kerajaan kolonial membebaskan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli PKM dari penjara. PKM dan Kuomintang telah bekerjasama dan membentuk Majlis Mobilisasi orang-orang Cina yang mengandungi dua puluh empat ahli. Sepuluh darinya mewakili PKM dan sepuluh lagi dari Kuomintang. Yang selebihnya terdiri dari Cina Peranakan dan lain-lain. Badan ini diketuai oleh Tan Kah Kee. Sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk dan dinamakan jawatankuasa Kor Pertahanan atau Pasukan Sukarelawan untuk bantu mempertahankan Singapura dari serangan Jepun. Pasukan Sukarelawan orang-orang Cina ini terkenal dengan nama DELFORCE. Sebuah sekolah yang dinamakan 101 Special Training School (STS) telah dibentuk oleh kerajaan British. Pelatih-pelatih kebanyakannya terdiri dari anggota-anggota PKM. Mereka turut berjuang bersama-sama dengan pasukan tentera British melawan kemaraan tentera Jepun ke Singapura. Selepas kejatuhan Singapura komuniti Cina menerima hukuman yang berat dari Jepun kerana penyertaan mereka dalam DELFORCE dan juga kerana melancarkan gerakan-gerakan anti-Jepun masa lalu. Jepun melancarkan operasi “sook-ching” untuk membersihkan anasir-anasir anti-Jepun.⁹ Berpuluhan ribu orang Cina telah dibunuhi dalam operasi ini.

Pada zaman pendudukan Jepun kerajaan British meneruskan kerjasama dengan Kuomintang dan Kerajaan Kuomintang di Tanah Besar dan Komunis. Kerajaan British menganggap penyokong-penyokong Kuomintang dan Komunis bersedia membantu membuat persiapan untuk kepulangan tentera British ke Malaya. Sebuah unit khas Tentera Berikat yang dipanggil Special Operation Executive (S.O.E) atau yang kemudian dipanggil Force 136 mengadakan kerjasama dengan Kerajaan China di Chungking dan Kuomintang dan Komunis bagi menentang dan menghalau Jepun dari Tanah Melayu. Force 136 bahagian Tanah Melayu telah dibentuk melalui kerjasama pegawai-pegawai British di India dengan China.¹⁰ Satu perjanjian diadakan di mana Kerajaan China bersetuju mengadakan agen-agen yang akan dihantar dan dilatih sebagai intelejen tentera dan kakitangan telekomunikasi. British bertanggungjawab menanggung ongkos projek ini serta mengadakan pusat-pusat latihan.

Kolonel Lim Bo Seng, penyokong Kuomintang yang sempat lari ke India sebelum kejatuhan Singapura telah dilantik sebagai Ketua Force 136 bahagian orang-orang Cina. Agen-agen Kuomintang ini kemudiannya dihantar ke Tanah Melayu bersama-sama dengan pegawai-pegawai Force 136. Merekalah yang menghubungi dan mengatur perjumpaan di antara Chin Peng, dan Loi Teck dengan Kol. John Davis, pada 1943.¹¹

Perlu disebutkan di sini bahawa British memainkan peranan penting dalam pembentukan pasukan guerila yang dinamakan Rakyat Malaya Anti-Tentera Jepun atau Malayan People' Anti-Japanese Army (MPAJA). Penyokong-penyokong Komunis yang mendapat latihan di STS membentuk tulang belakang bagi pasukan guerila ini. Mereka kemudiannya disertai oleh penyokong-penyokong Komunis yang lain dan juga orang-orang Cina yang bencikan pemerintah tentera Jepun. S.O.E. atau Force 136 bekerjasama dengan Komunis untuk memperkuatkan pasukan gerila ini. Semasa tentera British diundurkan dari Tanah Melayu dan Singapura, Major Chapman, bekas Timbalan Komander STS ditinggalkan untuk menyertai gerila Cina¹² Pada penghujung tahun 1943, dua anggota S.O.E, John Davis, bekas polis Tanah Melayu dan Richard Broome dari Sekretariat orang-orang Cina telah dihantar dan diseludup masuk ke Tanah Melayu dengan kapalselam. Mereka ditugaskan untuk berunding dengan MPAJA dan pemimpin-pemimpin Komunis mengenai soal kerjasama bagi mengalahkan Jepun. Satu pertemuan telah diadakan di Blantan di Utara Perak di antara mereka dengan Loi Tak, Setiausaha Agung PKM dan Chin Peng. Mereka berunding selama dua hari, pada 31 haribulan Disember 1943 hingga 1 haribulan Januari 1944. Akhirnya satu perjanjian telah dicapai di antara J. Davis, selaku ketua wakil bagi Ketua Panglima Perang Tentera Berikat (Supreme Allied Commander) dengan Loi Tak dan Chin Peng, sebagai wakil-wakil Jawatankuasa Bersama MPAJA dan Kesatuan Rakyat Malaya Anti-Jepun atau Malayan Peoples' Anti-Japanese Union (MPAJU). Mereka bersetuju untuk bekerjasama sepenuhnya bagi tujuan-tujuan mengalahkan Jepun. Wakil kerajaan British bersetuju untuk membekal senjata dan wang, serta mengadakan kemudahan-kemudahan untuk latihan dan perubatan.¹³ Komunis bersetuju meletakan MPAJA di bawah penyeliaan pegawai-pegawai Force 136 atau di bawah SEAC. Pegawai-pegawai Force 136 dibenarkan memasuki kem-kem organisasi ini kecuali di Ibu pejabat MPAJA di Perak. Ini kerana MPAJA ingin merahsiakan kawasan penyembunyian tertentu dan juga tidak mahu mendedahkan komposisi pegawai-pegawainya. Walaupun MPAJA bekerjasama dengan

British ia harus berwaspada terhadap kemungkinan British mengambil tindakan menghancurkannya selepas tamat Perang Dunia Kedua. Perlu dinyatakan di sini bahawa Komunis belum begitu jelas apakah dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan British terhadap organisasi mereka selepas British mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu dari Jepun. Pada masa lampau PKM merupakan organisasi haram dari segi undang-undang yang diamalkan di Tanah Melayu. Menurut Innes Tremlett, Ketua S.O.E. unit Tanah Melayu, pemimpin-pemimpin MPAJA enggan berhubung rapat dengan pegawai-pegawai S.O.E. kerana mereka mungkin mempunyai keinginan untuk menjalankan tindakan-tindakan subversif selepas tamat pendudukan Jepun.¹⁴ Mereka juga tidak pasti apakah layanan yang akan diterima selepas tamat Perang. Berdasarkan perjanjian British-Komunis, S.O.E. bersedia untuk membekalkan kira-kira 4,765 alat senjata kepada gerila Cina. Tetapi oleh kerana Jepun menyerah kalah dengan tiba-tiba selepas Amerika meledakkan bom atom ke atas bandar-bandar besar utamanya, British cuma sempat membekal 2,000 alat senjata, termasuklah bom-bom besar dan bom-bom tangan, senapang, brengun, stengun dan karbin. Walau bagaimanapun dengan alat senjata begini MPAJA yang dianggarkan mempunyai 7,000 gerila merupakan satu kuasa terkuat di Tanah Melayu menjelang tamatnya pendudukan Jepun di negeri ini. Kekuatan begini boleh digunakan untuk menentang kepulangan tentera-tentera Berikat ke Tanah Melayu dan seterusnya menguasai negeri ini. Tetapi Komunis melepaskan peluang untuk merebut kuasa dan seterusnya meneruskan kerjasama dengan British sehingga ke saat-saat pembubaran MPAJA.¹⁵

Penulis-penulis yang lepas cuba mencari dan memberi jawapan mengapa Komunis melepaskan peluang untuk merebut kuasa di Tanah Melayu pada waktu menjelang tamatnya Perang Dunia Kedua. Tetapi mereka tidak cuba meneliti atau menanya adakah British pernah mengubal sesuatu dasar yang dapat mempengaruhi Komunis supaya tidak menentang kepulangan tentera-tentera Berikat ke Tanah Melayu. Soalan ini tidak pernah timbul kerana menurut Chapman, pada permulaannya perundingan di antara pegawai-pegawai S.O.E. dengan Komunis, kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa persoalan-persoalan berhubung dengan dasar lepas perang tidak akan dibincangkan.¹⁶ Chapman menambah bahawa missi mereka pada keseluruhannya bersifat ketenteraan. Kenyataan-kenyataan ini diterima dengan bulat-bulat oleh kebanyakan penulis-penulis masa lampau. Sudah menjadi satu kenyataan yang diterima umum bahawa British tidak pernah mengambil kira perjanjian British-Komunis 1 Januari 1944 atau kerjasama antara

British-Komunis dalam zaman pendudukan Jepun apabila dasar-dasar lepas perang British digubal di London. Tetapi kenyataan begini jauh dari benar. Kerjasama antara British dengan Kuomintang dan Komunis memang diambilkira apabila British menggubal dasarnya untuk Tanah Melayu. Pegawai-pegawai British yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar British untuk Tanah Melayu, khasnya yang berhubung dengan masyarakat Cina mengakui perkara ini. Menurut J.J. Paskin, Ketua Jabatan Kawasan Timur di Pejabat Tanah Jajahan mengatakan pada masa Direktif Dasar Mengenai orang-orang Cina digubal, mereka merasa perlu mengambilkira perkara-perkara berikut:

- (a) the change of attitude towards the Chinese Communists which took place in Singapore in the days before the [British] surrender.
- (b) the fact that not only then, but later throughout the period of the Japanese occupation, the Chinese communists were virtually the only elements in the local population which had actively resisted the Japanese...¹⁷

Ada penulis yang lepas menganggap bahawa adalah mustahil perjanjian antara kerajaan British dengan Komunis mempunyai pengaruh ke atas dasar British untuk masa depan Tanah Melayu. Menurut F.S.V. Donnison, "in point of fact, the British Government's proposals for the constitutional future of Malaya were conceived long before the conclusion of this agreement and were in no sense caused by undertakings entered into with the Chinese Communists."¹⁸ Donnison menambah bahawa adalah tidak mungkin berita-berita mengenai perjanjian ini dapat disampaikan ke Tanah Melayu sehinggalah selepas setahun kemudian. Menurutnya lagi tahun 1944 berlalu tanpa ada apa-apa kontak di antara pegawai-pegawai Force 136 dengan kerajaan British.

Kenyataan pertama Donnison ada kebenarannya tetapi tidak seratus peratus tepat. Kerajaan British memang mula menggubal dasar untuk masa depan Tanah Melayu lama sebelum perjanjian antara British-Komunis dibuat. Tetapi ini tidaklah bermakna British telahpun mempunyai satu dasar yang tetap untuk masa depan Tanah Melayu. Sebenarnya dasar yang berkaitan dengan orang-orang Cina termasuklah mengenai kewarganegaraan baru mula digubal pada penghujung tahun 1943. British mempunyai masa untuk mengambilkira soal hubungan mereka dengan Kuomintang dan Komunis sebelum mereka membuat keputusan akhir mengenai dasar untuk

Tanah Melayu. Perlu disebutkan di sini bahawa revisi terakhir mengenai “Long Term Policy Directives — Chinese Policy” siap pada 5 haribulan Mei 1944.¹⁹

Mengenai kenyataan Donnison yang kedua yang mengatakan berita mengenai perjanjian antara British-Komunis tidak diketahui oleh pihak-pihak British di luar dari Malaya sehingga selepas 1944 tidak begitu tepat. Major F. Spencer Chapman menyatakan bahawa berita mengenai perjanjian itu telah disampaikan kepada Ibupejabat tentera British di Colombo, Sri Lanka pada Januari 1944.²⁰ Tetapi bukti-bukti bahawa pihak British tahu mengenai kegiatan-kegiatan Force 136 di Tanah Melayu ketika ini boleh didapati dari rekod-rekod Foreign Office yang tersimpan di Pejabat Record Umum di Kew Gardens. Salah satu daripada bukti-bukti itu ada menyebut bahawa satu persidangan telah diadakan di New Delhi pada bulan Januari 1944 untuk membincangkan perkara-perkara berhubung dengan orang-orang Cina di Tanah Melayu.²¹ Persidangan ini dihadiri oleh Ralph Hone, ketua Malayan Planning Unit, R. Denning, Setiausaha Politik, Lord Louis Mountbatten (Panglima Agung SEAC), Duta British ke negeri China, dan pegawai-pegawai tentera British yang lain. Persidangan ini telah diberitahu mengenai kegiatan-kegiatan Force 136 di Tanah Melayu. Denning mengatakan “... certain Allied work which was already being undertaken within Malaya largely through the instrumentality of the Chinese in that country”.²² Persidangan telah diberitahu bahawa satu direktif mengenai orang-orang Cina perlu dikeluarkan sebagai panduan bagi pegawai-pegawai British yang menjalankan gerakan bawah tanah untuk membuat persiapan bagi pihak Berikat untuk menawan kembali Tanah Melayu dari kuasa Jepun. Mereka ini kemudian dikenali sebagai S.O.E. atau Force 136. Dengan adanya direktif ini nanti pegawai-pegawai Force 136 dapat menyatakan kepada orang-orang Cina termasuk Komunis mengenai kedudukan mereka pada masa hadapan di Tanah Melayu. Direktif mengenai dasar terhadap orang-orang Cina diharapkan dapat digunakan untuk memujuk orang-orang Cina termasuk Komunis agar mereka akan mengekal-kal kan kerjasama dan menggalakkan mereka untuk meneruskan kegiatan-kegiatan seperti yang dikehendaki oleh British.²³ Perlu disebutkan di sini bahawa salah satu butir dari direktif ini adalah mengenai cadangan-cadangan kewarganegara yang kemudian dimasukkan ke dalam rencana Malayan Union. Perlu juga disebutkan disini bahawa Direktif Dasar Orang-orang Cina ini juga digunakan oleh pihak berkuasa Pentadbiran Tentera British di Tanah Melayu dalam perundingan mereka dengan Komunis mengenai soal pembubaran MPAJA. Menurut Ralph Hone, “The

undertaking given to the MPAJA was based on the directive (and not vice-versa) and was, of course, given by the G.O.C. under SAC's authority without any further reference back to London".²⁴ Berdasarkan kenyataan ini jelaslah bahawa dasar-dasar British terutamanya yang menyentuh kepentingan komuniti Cina dibuat dengan mengambilkira soal kerjasama antara British dengan Kuomintang dan Komunis pada zaman Jepun.

FORMULASI DASAR ORANG-ORANG CINA

Pejabat Tanah Jajahan mulai mengubal satu direktif dasar secara umum bagi digunakan oleh bakal pentadbir-pentadbir di bawah rancangan Pentadbiran Tentera British pada pertengahan tahun 1943. Pada waktu yang sama mereka juga mula membuat kajian mengenai masalah-masalah yang akan dihadapi berkaitan dengan komuniti Cina. Edward Gent, Ketua Jabatan Kawasan Timur dan Pasifik di Pejabat Tanahjajahan telah memanggil satu mesyuarat pada 17 haribulan Jun 1943. Antara mereka yang hadir termasuklah Gent sendiri, dan juga J.J. Paskin dan McKerron. Mereka memutuskan bahawa langkah-langkah harus diambil bagi mengumpul sejumlah pegawai-pegawai bagi mengkaji masalah yang akan timbul pada masa hadapan dari sudut komuniti Cina. Pegawai-pegawai ini kelak akan ditugaskan sebagai penasihat-penasihat bagi pegawai-pegawai perancang dalam hal yang berkaitan dengan orang-orang Cina dan pegawai-pegawai tentera dan awam apabila British kembali ke Tanah Melayu.²⁵ Mereka ini akan menyertai sebuah unit khas yang akan dibentuk. Unit ini nanti diharap akan berhubung dengan Pejabat Luar (Foreign Office) untuk mengikut apa-apa perkembangan dalam dasar kerajaan China terhadap orang-orang Cina seberang laut di Asia Tenggara.

Mesyuarat memutuskan bahawa antara pegawai-pegawai yang akan diambil untuk berkhidmat dalam unit khas ini ialah V.W. Purcell, H.G. Moles dan J.C. Barry, bekas anggota Perkhidmatan Polis Tanah Melayu. Pada pandangan McKerron perkhidmatan Purcell sangat diperlukan untuk memberi nasihat dalam perkara-perkara penting yang menyangkut soal publisiti bagi orang-orang Cina. Pegawai-pegawai ini pada mulanya akan disandarkan di Pejabat Tanah Jajahan dan gaji mereka dibayar dari wang tabungan Sultan-Sultan Melayu yang dikontrol oleh Agen Tanah Jajahan Mahkota di London.

Pada 27 dan 28 haribulan September, 1943 pegawai-pegawai dari Pejabat Tanah Jajahan mengadakan perbincangan mengenai

perhubungan antara kerajaan yang akan dibentuk di Tanah Melayu dengan kerajaan China dan juga masalah-masalah yang menyangkut dengan komuniti Cina. Kerajaan British tidak boleh meneruskan dasar-dasar lama kerana keadaan telah berubah dari akibat-akibat perperangan. Sebelum mereka mengkaji perubahan-perubahan yang perlu dibuat adalah dirasakan perlu bagi mereka untuk mengetahui apa dasar Kerajaan China terhadap orang-orang Cina seberang laut. Mesyuarat diberitahu bahawa kerajaan Tanah Melayu sebelum perang tidak dapat menjalinkan hubungan yang rapat dengan kerajaan China kerana Kuomintang sentiasa campurtangan dalam urusan komuniti Cina di rantau ini. Kerajaan Tanah Melayu menjalankan dasar penekanan terhadap aktiviti-aktiviti parti ini. Kerajaan China membantah dasar ini dan konflik di antara keduanya diselesaikan berdasarkan Perjanjian Lampson-Wang tahun 1931. Berdasarkan perjanjian ini cawangan-cawangan diharamkan di Tanah Melayu. Tetapi orang-orang Cina di Tanah Melayu diizinkan menjadi ahli-ahli terus Kuomintang yang berpusat di China. Tetapi Kuomintang masih menubuhkan cawangan-cawangannya di Tanah Melayu. British menganggap cawangan-cawangan Kuomintang sebagai organisasi haram dan menekan mereka yang terlibat. Kerajaan China merayu supaya mereka dibenarkan menubuhkan cawangan-cawangannya. Tetapi rayuan ini ditolak oleh Thomas Shenton. Menurut beliau:

To enable an alien government to gain control of preponderant element of the population would be to which might have most unhappy political and social consequences, expose it sharp criticism by the Rulers as an unfaithful trustees, and open a door to indiscipline and disloyalty on the part of large sections of the [Chinese] community, who are taught by the organisations to owe their allegiance elsewhere...²⁶

Pejabat Tanah Jajahan mendapati dasar British sebelum perang berhubung dengan Kuomintang dan juga Komunis perlu diubah. Mesyuarat diberitahu perkembangan-perkembangan yang terjadi menjelang Jepun menyerang Singapura di mana kerajaan British bekerjasama dengan kedua-dua organisasi haram ini. Mesyuarat juga diberitahu bahawa kerjasama dengan organisasi-organisasi ini akan diteruskan. Kerajaan British berharap Kuomintang dan Komunis akan memainkan peranan yang besar dalam membantu British dalam sebarang kempen untuk menghalau keluar Jepun dari Tanah Melayu. Dalam keadaan demikian dasar-dasar sebelum perang tidak lagi sesuai. Mereka merasakan adalah mustahil bagi British untuk menjalankan dasar-dasar sebelum perang yang mengenakan sekatan-sekatan ke atas kedua-dua organisasi ini.

Tetapi mereka tidak dapat memutuskan apakah dasar yang sebaiknya mengenai kedua-dua organisasi tersebut. Mereka mengambil keputusan untuk mendapatkan pandangan dari pegawai-pegawai lain termasuk Duta British ke negeri China dan pegawai-pegawai Pejabat Luar.

Pada 29 haribulan September, Paskin memberitahu Clarke dari Pejabat Luar bahawa Pejabat Tanah Jajahan sedang mengatur satu perjumpaan tidak formal bagi membincangkan perkara-perkara yang menyangkut orang-orang Cina dan juga mengenai sikap dan dasar yang harus diambil terhadap pertubuhan-pertubuhan politik orang-orang Cina di Tanah Melayu selepas tamat perang. Pada waktu ini Denning, Setiausaha politik kepada Lord Louis Mountbatten sedang berada di London. Pegawai-pegawai Pejabat Tanah-Jajahan juga ingin berbincang dengannya. Mereka berpendapat perbincangan mengenai dasar terhadap orang-orang Cina perlu disegerakan kerana Unit Perancang Tanah Melayu atau Malayan Planning Unit (MPU) mahukan direktif-direktif dasar termasuk mengenai orang-orang Cina. Perlu disebutkan di sini bahawa walaupun Pejabat Tanah Jajahan bertanggungjawab dalam pengubalan dasar pandangan-pandangan dari pegawai-pegawai lain juga dipertimbangkan.

Pada 1 haribulan November, 1943, pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan dan Pejabat Luar mengadakan satu pertemuan untuk membincangkan masalah orang-orang Cina dan juga persoalan-persoalan dalam hubungan antara kerajaan China dan Kuomintang. Antara mereka yang hadir termasuklah²⁷ Blackburn dari Pejabat Luar, berpandangan bahawa kerajaan British harus memberi layanan yang saksama kepada Kerajaan China sepertimana yang diberi kepada kuasa-kuasa lain. Katanya China harus di-beritahu bahawa Kerajaan British akan bersedia menimbangkan kepentingan-kepentingan mereka yang absah di Tanah Melayu. Tetapi ini tidaklah bererti China akan mempunyai hak untuk campurtangan dalam pentadbiran Tanah Melayu. Mengenai kedudukan Kuomintang, Pejabat Luar berpendapat ianya harus dilayan sebagai parti yang sah di Tanah Melayu. Hal ini dapat dilakukan dengan memperkenalkan undang-undang pertubuhan yang selaras dengan Ordinan Pertubuhan Hong Kong.²⁸ V. Purcell memberi sokongan kuat terhadap cadangan ini. Beliau berkata bahawa perubahan yang dicadangkan tidak mempunyai makna yang besar tetapi mempunyai nilai-nilai psikologi yang tetap dalam hubungan antara British dengan kerajaan China.

Pejabat Tanah Jajahan seterusnya mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Sri Horace Seymour, Duta British ke China,

pegawai-pegawai diplomat Belanda di London dan pegawai-pegawai British yang lain untuk mencari satu formula baru mengenai dasar lepas perang British berhubung dengan komuniti Cina. Ralph Hone dihantar ke India untuk mendengar pandangan pegawai-pegawai British di sini dalam perkara yang sama. Penulis telahpun menyebutkan bahawa satu persidangan telah diadakan di Delhi untuk membincangkan dasar orang-orang Cina. Ralph Hone menerangkan kepada mesyuarat mengenai cadangan Pejabat Tanahjajahan untuk menggubal satu dasar mengenai orang-orang Cina di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan tidak Bersekutu yang dahulunya dilayan sebagai orang asing, samada mereka dilahirkan di rantau ini atau di negeri China.²⁹ Menurut Hone, Pejabat Tanahjajahan berkecenderungan mengubah dasar terhadap golongan orang-orang Cina yang dilahirkan dan dibesarkan di Tanah Melayu. Dalam erti kata lain Pejabat Tanah Jajahan bukan merujuk kepada orang-orang Cina yang dilahirkan di tanah besar China dan yang kesetiaan mereka terhadap Tanah Melayu diragukan. Tetapi Seymour, Duta British ke Chungking menganggap perubahan yang dicadangkan itu tidak akan memenuhi impian kerajaan China yang tidak membezakan antara orang-orang China kelahiran Tanah Melayu atau tidak. Dengan kata-kata lain semua orang Cina harus diberi layanan yang sama.³⁰

Dalam persidangan di Delhi ini, Denning telah meminta supaya digubal dengan segera dasar mengenai orang-orang Cina kerana S.O.E. telahpun mula menjalankan operasi di Tanah Melayu. Beliau menambah bahawa pegawai-pegawai ini akan meminta direktif mengenai orang-orang Cina. Mereka perlu memberitahu sesuatu kepada orang-orang Cina iaitu pemimpin-pemimpin Komunis berhubung dengan kedudukan masa hadapan mereka di Tanah Melayu. Perlu ditegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai Force 136 juga memaklumkan kepada Edward Gent mengenai perkara yang sama.³¹ Dalam keadaan yang demikian penggubal-penggubal dasar mengenai masa depan Tanah Melayu perlu mengambil kira bahawa dasar-dasar yang digubal haruslah memenuhi kehendak-kehendak Kerajaan China dan Kuomintang dan juga Komunis. Mereka seolah-olah perlu menyediakan jawapan apabila nanti ditanya oleh Komunis mengenai dasar-dasar lepas perang British. Keadaan ini nampaknya memang benar wujud. Misalnya pada pertengahan bulan Ogos, 1944, S.E. Taylor, seorang pegawai Force 136 telah memberitahu Gent bahawa Kumpulan-kumpulan Penentang yang didominasi oleh Komunis telah meminta mereka menjelaskan beberapa perkara yang menyangkut dasar lepas perang

British. Menurut Taylor, S.O.E. mengajukan soalan-soalan yang memerlukan jawapan adalah seperti berikut:

1. What form of citizenship if any will be available.
 - a. To those born in Malaya, and
 - b. Those who have been domiciled there for a given period.
2. Will organizations and societies which were considered to be illegal before the war continue to be so considered.
3. From the points of view of civil rights and opportunities will such Chinese³³ as may qualify for citizenship under I, above be subject to discrimination.

Menurut Gent jawapan yang terbaik bagi soalan-soalan itu adalah seperti berikut:

1. ...It is the intention of His Majesty's Government to promote a greater degree of unification of all Malaya and its peoples, and equality of those who have made Malaya their home. Whatever any person's racial extraction may be one of the processes by which it is hoped to achieve this purpose is by creating Malayan Citizenship. It is proposed that such citizenship should be acquired by persons for, in Malaya and by persons who have been ordinarily resident there for very many years.
2. On the question of societies and organisation which were considered illegal before the war,...it is our intention to change the emphasis in future by fresh legislation so that a society or organization will not be considered illegal unless declared so to be.
3. Chinese who possess Malayan Citizenship referred to (1) above will have the right and privileges of any other Malayan citizens. There will be no discrimination³³ on racial grounds except that the policy of Malay land reservations...

Perlu disebutkan di sini bahawa dasar British terhadap komuniti Cina digubal oleh sebuah jawatankuasa yang ahli-ahlinya terdiri dari J.J.Paskin and W.L.Monson dari Pejabat Tanahjajahan dan V.W Purcell, E.V.Day and A.T.Newboult dari Unit Perancang Tanah Melayu, cawangan Pejabat Perang. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada bulan Disember 1943. Jawatankuasa ini mengambil masa lebih dari empat bulan untuk menyiapkan draft terakhir mengenai Long Term Policy directive: "Chinese Policy".³⁴ Gent dan Purcell memainkan peranan yang penting dalam penggubalan dasar mengenai orang-orang Cina. Kedua-dua tokoh inilah yang menyemak dan kemudiannya mengemukakan direktif ini kepada Ketua Perancang Hal Ehwal Awam, Unit Perancangan Tanah Melayu dan kepada kabinet British.³⁵

Butir-butir utama direktif ini menyentuh mengenai rancangan kewarganegaraan yang kemudiannya dimasukkan di dalam rencana Kesatuan Tanah Melayu dan juga mengenai cadangan untuk me-

minda undang-undang berhubung dengan pendaftaran pertubuhan supaya parti-parti yang dahulunya tidak didaftarkan atau parti-parti haram menjadi parti-parti yang sah. Dengan itu PKM dan cawangan-cawangan Kuomintang di Tanah Melayu akan menjadi organisasi-organisasi yang sah kecuali jika Gabenor Malayan Union membuat deklarasi yang mengharamkannya. Jika diteliti draf kedua direktif mengenai orang-orang Cina, tujuan British untuk membolehkan orang-orang Cina melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan politik yang berorientasikan tanah besar China. Dasar British mengenai orang-orang Cina ini juga dikenali sebagai dasar liberal. Orang-orang Cina boleh memilih untuk menjadi warganegara Tanah Melayu dan melibatkan diri dalam politik tempatan. Mereka juga boleh melibatkan diri dalam politik tanah besar China tanpa sekatan-sekatan dari pemerintah kolonial. Boleh dikatakan cadangan-cadangan ini akan memenuhi kehendak-kehendak komuniti Cina di Tanah Melayu.

Perlu disebutkan di sini bahawa direktif mengenai orang-orang Cina telah disampaikan kepada pegawai-pegawai S.O.E. kecuali bahagian-bahagian tertentu. Mereka dibenarkan menggunakan direktif ini untuk mendapat kerjasama dari pemimpin-pemimpin Komunis. Tetapi sejauhmana butir-butir mengenai direktif ini disampaikan kepada Komunis tidak dapat dipastikan. Namun begitu pada masa MPAJA dibubarkan pihak BMA menggunakan direktif ini bagi mendapat kerjasama dari pemimpin-pemimpin MPAJA. Dalam kata-kata lain British pernah membuat janji kepada Komunis dalam soal-soal yang menyentuh kedudukan masa hadapan orang-orang Cina di Tanah Melayu. Dasar-dasar British yang terkandung dalam direktif ini nampaknya berjaya sedikit sebanyak dalam mempengaruhi pucuk pimpinan PKM untuk mengamalkan dasar sederhana dan bekerjasama dengan British selepas Jepun menyerah kalah.

NOTA KAKI

¹ Perbincangan lanjut mengenai ‘Peristiwa 4 Haribulan Mei’ boleh ditemui dalam Stephen Leong, “Sources, Agencies and Manifestation of Overseas Chinese Nationalism in Malaya 1937-1941”, Tesis Ph.D., University of California, 1976, hal. 63-72.

² J. Christie, “The Problem of China in British Foreign Policy 1917-1921”, Tesis Ph.D., University of Cambridge, 1971, h. 106.

³ Stephen Leong, *op. cit.*, h. 65.

⁴ *Ibid.*, h. 66.

⁵ Perbincangan mengenai dasar-dasar British terhadap komuniti Cina boleh

ditemui dalam R. Emerson, *Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

⁶Sir Shenton Thomas menulis kepada Lord Moyne, the Secretary of States for the Colonies, dalam CO 273/669.

⁷*Ibid.*

⁸*Ibid.*

⁹Perbincangan mengenai dasar Jepun terhadap orang-orang Cina boleh ditemui dalam, Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese" *Journal of Southeast Asian Studies*, Sept. 1970, h. 61-89.

¹⁰Shun Yun-Tsiao dan Chua Ser-Koon, *Malayan Chinese Resistance to Japan 1937-1945: Selected Source Materials*, Singapore, h. 72.

¹¹B.B.C. 2, SOE-Arms and the Dragon, examines the Special Executive's Oriental Mission to arm the Communist Guerillas in Malaya during World War Two, 31 August 1987, 7.35 p.m., see also, F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, Chatto & Windus, London, 1954, p. 226.

¹²*Ibid.*

¹³Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, Singapore University Press, Singapore, 1983, h.73-75

¹⁴J.J. Paskin to H. Gurney — 16th June, 1949, in CAB 101/66.

¹⁵F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, Chatto & Windus, London, 1954, p. 226.

¹⁶Minit oleh J.J. Paskin, dlm, CO 273/675 file No. 50823/3/22.

¹⁷F.S.V. Donnison, *British Military Administration in the Far East, 1943-46*, HMSO, London, 1956, p. 380.

¹⁸CO 856/18. Malaya, Long Term Policy Directives-Chinese Policy.

¹⁹Nota Persidangan di New Delhi pada bulan Januari 1944 dalam FO 371/14625.

²⁰*Ibid.*

²¹*Ibid.*

²²*Ibid.*

²³Ralph Hone menulis kepada F.S. Donnison, 5th May, 1949, in CAB 101/66.

²⁴Nota mengenai "Malayan-Reconstruction-Chinese Problem," 18hb. Jun, 1943 dalam CO 865/47.

²⁵Minit oleh Monson, dalam CO 825/35/55109/6.

²⁶Nota perbincangan di Pejabat Tanahjajahan pada 1hb. November, 1943 dalam CO 825/35/55104/6.

²⁷*Ibid.* Ordinan Pertubuhan-pertubuhan Hong Kong memberi kuasa kepada Gabenor dalam Dewan mengisytiharkan sesuatu pertubuhan atau persatuan itu haram. Tetapi kenyataan ini tidak bermakna sesuatu pertubuhan itu perlu di-daftarkan untuk menjadi pertubuhan yang sah. Jika ordinan ini diambil dan dilaksanakan di Tanah Melayu, Parti Komunis Malaya dan cawangan-cawangan

Kuomintang di sini akan menjadi pertubuhan-pertubuhan yang sah dengan sendirinya.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Nota Persidangan di New Delhi pada bulan Januari 1944 dalam FO 371/14625.

³⁰ S.E. Taylor menulis kepada Gent, 12hb. Ogos 1944, dalam CAB 101/66.

³¹ *Ibid.*

³² Jawapan Gent kepada Taylor, 29hb. Ogos, 1944, dalam CAB 101/66.

³³ Malaya, Long Term Policy Directives-Chinese Policy dalam CO 865/18, lihat juga, Long Term Policy Directive — Chinese Policy, Second Draft, dalam FO 371/14625.

³⁴ *Ibid.*